



M. LOGA BALA (dua dari kanan) diiringi Aini Ideris (kanan) melawat tapak semai bunga selepas majlis MoU UPM dengan Ppj dan Tunas Nasional di Serdang, Selangor, baru-baru ini. -BERNAMA

UTUSAN MALAYSIA
24/5/2017 P. 31

KWP komited jadikan Wilayah Persekutuan bandar raya taman

KUALA LUMPUR 23 Mei – Kementerian Wilayah Persekutuan komited menjadikan Wilayah Persekutuan khususnya Putrajaya sebagai kawasan berkonsep bandar raya taman, berbunga dan dijadikan contoh.

Timbalan Menterinya Datuk Dr. M. Loga Bala berkata, kementerian menyokong penuh kerjasama yang dilakukan antara Universiti Putra Malaysia (UPM), Perbadanan Putrajaya (Ppj) dan Tunas Nasional (Tunas Nasional) Holding Sdn. Bhd.

Beliau berkata, perkongsian maklumat, ilmu pengetahuan dan kemahiran boleh dilaksanakan melalui kursus serta latihan

selain kepakaran penyelidikan.

“Bidang kerjasama yang boleh dimanfaatkan adalah landskap florikultur seperti kajian bagi memanjangkan hayat tanaman bunga semusim dan mengenal pasti spesis berbunga untuk menceriakan Wilayah Persekutuan.

“Usahasama dalam bidang berteraskan pembangunan mapan dan teknologi hijau berpotensi untuk dilaksanakan sekali gus mewujudkan suasana menan-menang,” katanya ketika berucap merasmikan majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UPM, Ppj dan Tunas Nasional di sini.

Yang turut hadir, Naib Canse-

lor UPM, Prof. Dr. Aini Ideris dan Pengarah Urusan Tunas Nasional Holding, Mohd. Hassan Bosarah.

Sementara itu, Aini memberitahu, UPM memberi kebenaran membuka pusat tanaman bunga yang berkeluasan lebih 0.8 hektar di Kelab Golf UPM.

“Saya berpandangan usahasama ini bukan sahaja melibatkan penanaman bunga tetapi perlu diperluas bagi mengkaji serta menemukan jenis-jenis bunga semusim yang boleh dikomersial.

“Kajian ini perlu dilaksanakan segera memandangkan usaha kerajaan untuk menceriakan bandar melalui bunga-bungaan,” katanya.